



## KEPIMPINAN

Wakil rakyat (*elected representatives*) merupakan aktor politik penting dalam sistem demokrasi berparlimen. Jika di Malaysia, wakil rakyat bukan sahaja berperanan sebagai perwakilan, tetapi memainkan pelbagai tanggungjawab lain sama ada secara langsung atau tidak langsung. Secara umumnya, wakil rakyat mempunyai dua peranan iaitu utama (*primary*) dan pelengkap (*secondary*) sama ada bersifat rasmi atau tidak rasmi. Walau bagaimanapun, kedudukan dan peranan aktor politik ini dalam sistem politik Malaysia tidak dapat difahami secara jelas dan wujud pemahaman yang berbeza mengenainya. Lantaran itu, ia membawa kepada kekeliruan dalam mentafsir tanggungjawab sebenar wakil rakyat. Kenapa hal ini terjadi? Siapakah yang bertanggungjawab memberi penjelasan secara terperinci mengenai peranan wakil rakyat? Apakah kesannya terhadap kepimpinan dan sistem demokrasi berparlimen di Malaysia?

Persoalan di atas boleh dinilai dari sudut teori dan praktis (amalannya). Dari segi teori, ia mempunyai kaitan dengan kesan daripada amalan doktrin pengasingan kuasa (*separation of power*) dan percantuman kuasa (*fusion of power*).<sup>1</sup> Dalam sistem demokrasi berparlimen walaupun doktrin pengasingan kuasa wujud dalam pemerintahan dengan terbentuknya tiga institusi iaitu badan perundangan, eksekutif dan kehakiman, namun di sebaliknya wujudnya amalan percantuman kuasa. Kesan daripada amalan percantuman kuasa

<sup>1</sup> Britain dan kebanyakan negara-negara Komanwel mengamalkan doktrin percantuman kuasa (Carter & Herz, 1970: 28; dan Robertson, 1985: 249). Ini menunjukkan di negara-negara yang mengamalkan doktrin percantuman kuasa, ahli-ahli badan perundangan (parlimen) boleh dilantik sebagai ahli badan eksekutif (Kabinet). Misalnya, Perdana Menteri yang telah dilantik sebagai ketua eksekutif atau kerajaan (*head of government*) merupakan ahli badan perundangan.

itulah yang antara lain menyebabkan timbulnya pemahaman yang berbeza dan keliru tentang peranan sebenar wakil rakyat di Malaysia. Sebenarnya, amalan percantuman kuasa itu sangat jelas di kebanyakan negara yang berasaskan sistem berparlimen kerana ia termaktub dalam perlembagaan. Begitu juga keadaannya di Malaysia. Dengan kata lain, amalan percantuman kuasa itu diizinkan (dibenarkan) (Crystal, 1990: 1089; Ramanathan, 1992: 236; dan Roskin *et al.*, 2003: 260).

Berasaskan prinsip dalam doktrin percantuman kuasa, wakil rakyat dari badan perundangan (*legislative*) boleh dilantik menjadi ahli badan eksekutif (kabinet). Kedudukan inilah yang dikatakan sebagai percantuman kuasa kerana wakil rakyat mempunyai dua peranan secara serentak (yang terpilih sahaja) iaitu sebagai ahli perundangan dan ahli eksekutif. Percantuman kuasa bukannya bermaksud mengurangkan jumlah institusi pemerintahan daripada tiga menjadi dua atau satu sahaja. Ketiga-tiga institusi pemerintahan tersebut masih kekal, cuma ia menunjukkan kedudukan, di mana wakil rakyat memainkan dua peranan secara serentak dalam parlimen dan kabinet. Dengan kata lain, wakil rakyat (ahli badan perundangan) menjalankan kuasa eksekutif dalam kabinet (Robertson, 1985: 117).

Seperti apa yang telah disebutkan di atas, amalan percantuman kuasa di Malaysia sangat jelas wujud dalam Perlembagaan Persekutuan.<sup>2</sup> Tiada sebarang pertikaian mengenainya kerana ia telah diterima dengan baik sebelum merdeka lagi. Ia bermula setelah British telah melaksanakan pilihan raya pada tahun 1952 dan 1955, di mana sebelum itu telah diwujudkan Sistem Ahli yang mirip kepada sistem kabinet. Justeru, walaupun di Malaysia mengamalkan doktrin percantuman kuasa, tetapi paksi sistem pemerintahan masih berasaskan doktrin pengasingan kuasa. Amalan kedua-dua doktrin pemerintahan inilah yang membezakan antara sistem demokrasi berparlimen dengan

<sup>2</sup> Dalam Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang menyebut mengenai pelantikan anggota Parlimen ke dalam Kabinet yang diketuai oleh Perdana Menteri dan seterusnya berkaitan pelantikan Jemaah Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.